

11/01/2000

Cuepacs minta kaji semula had umur persaraan

KUALA LUMPUR, Isnin - Cuepacs meminta kerajaan mengkaji semula keputusan mengekalkan umur persaraan pada 55 tahun.

Presiden Cuepacs, N Siva Subramaniam berkata, pihaknya akan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas cuti Aidilfitri ini untuk meminta beliau mengkaji semula cadangannya melanjutkan umur persaraan sehingga 58 tahun.

"Kita sudah menghantar surat untuk mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri dengan harapan meminta kerajaan mengkaji semula keputusan itu kerana lanjutan umur persaraan lebih banyak kebaikan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Kabinet untuk mengekalkan umur persaraan pada 55 tahun.

Semalam, sebuah akhbar melaporkan kerajaan tidak meluluskan cadangan Cuepacs supaya umur persaraan dilanjutkan ke 58 tahun, bagaimanapun membenarkan penyambungan kerja kakitangan awam berdasarkan prestasi dan keperluan.

Difahamkan, Jabatan Sumber Manusia masih dalam proses terakhir menyediakan garis panduan bagi ketua jabatan untuk digunakan apabila menyarankan kakitangan yang layak dilanjutkan perkhidmatannya lebih 55 tahun.

Siva berkata, had umur persaraan 55 tahun itu perlu dilanjutkan bagi mengelakkan kemahiran dan pengalaman yang ada pada pegawai awam dibazirkan.

Sebelum ini, Cuepacs menghantar memorandum melanjutkan had umur bersara daripada 55 tahun sekarang kepada 58 tahun kepada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian mendapati orang ramai tidak bersetuju dengan cadangan melanjutkan usia persaraan sehingga 58 tahun berdasarkan prestasi dan keperluan.

Kakitangan kerajaan, Abu Bakar Mokhtar, 45, berkata situasi itu dengan sengaja akan mewujudkan jarak atau kasta kumpulan pekerja atasan dan bawahan.

"Sekiranya mereka masih ingin menyumbang, mereka mungkin boleh menubuhkan syarikat sendiri pada usia itu kerana lazimnya apabila usia 45 tahun ke bawah, walaupun nampak cergas, tenaga sudah berkurangan jika dibandingkan pada usia muda," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Kakitangan swasta, Jumatiah Suri, 30, berkata usia 55 tahun menjadi peringkat paling sesuai untuk seseorang itu bersara.

Ini katanya, tempoh itu sudah cukup lama untuk individu itu menabur bakti dan menyumbang, manakala melebihi usia berkenaan, individu terbabit seharusnya berehat.

Sementara itu, Pengerusi DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang dalam kenyataannya meminta kerajaan mengemukakan alasan kukuh mengenai penolakan cadangan Cuepacs.

"Kita juga mahu kajian dibuat ke atas cadangan ini selain mengalu-alukan perbincangan awam mengenai perkara itu bagi membolehkan kerajaan mengkaji kembali keputusannya," katanya.

Beliau berkata, had umur persaraan sekarang adalah muda dan bagi pegawai yang berpengalaman adalah satu pembaziran jika mereka tidak meneruskan khidmat mereka.

"Had umur persaraan di negara lain sudah dilanjutkan seperti di negara

Scandinavia, had persaraan adalah 67 tahun dan 62 tahun di Amerika.

"Manakala di negara Asia seperti Singapura (62 tahun), Thailand (60 tahun) dan India (58 tahun).

"Keputusan Kabinet itu mengecewakan seolah-olah tidak mengikut perubahan zaman kerana had umur persaraan 55 tahun diperkenalkan pada zaman British lagi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat negara ini berhak mengetahui alasan sebenar mengapa cadangan itu ditolak.

(END)